

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT,
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BERTULIS

DARIPADA : TUAN CHANG LIH KANG (TANJONG MALIM)

SOALAN

Minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan status perolehan pesawat tempur ringan dan UAV, termasuk :-

- (a) peruntukan siling kedua-dua projek ini dan calon-calon yang disenarai pendekkan dalam proses RFI; dan
- (b) bila tender antarabangsa akan diadakan.

JAWAPAN

Keperluan sebenar Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) adalah perolehan pesawat *Fighter Lead-In Trainer/Light Combat Aircraft* (FLIT/LCA). Ianya merupakan pesawat platform tunggal dwi-peranan yang mampu melaksanakan tugas sebagai *Fighter Lead-In Trainer* (FLIT) untuk tujuan latihan bakal juruterbang pesawat pejuang serta *Light Combat Aircraft* (LCA) untuk tujuan operasi.

Pada masa ini, TUDM sedang dalam proses penyediaan spesifikasi berdasarkan maklum balas *Request For Information* (RFI) yang diterima daripada syarikat pengeluar. Permohonan peruntukan siling keperluan perolehan FLIT/LCA ini telah didaftarkan di bawah *Rolling Plan 1* Rancangan Malaysia Ke-12.

Bagi perolehan UAV kategori *Medium Altitude Long Endurance* (MALE) pula, perolehan ini telah mendapat kelulusan Kementerian Hal Ehwal Ekonomi (MEA) pada tahun 2018 dengan siling peruntukan sebanyak

RM500 juta. TUDM telah melaksanakan kajian kemungkinan (Feasibility Study) dan kajian pasaran melalui maklum balas RFI yang telah diterima daripada syarikat pengeluar *Unmanned Aircraft System* (UAS) dan setakat ini, tiada platform yang disenarai pendekkan.

Sukacita dimaklumkan dari segi prinsip perolehan, penggubalan dasar, peraturan dan tatacara perolehan Kerajaan adalah tertakluk sepenuhnya di bawah bidang kuasa kementerian Kewangan. Kementerian Pertahanan akan memastikan agar kesemua prinsip dan tatacara perolehan Kerajaan ini dipatuhi selaras dengan pekeliling semasa yang sedang berkuatkuasa.

Terima kasih.